

HARI MINGGU BIASA KE-14 (C)

Yesaya 66:10-14; Mazmur 65:1-7. 16. 20. R/ v. 1; Galatia 6:14-18
Lukas 10: 1-9 (Versi Singkat)

Tema: **PENYELAMATAN DAMAI (SHALOM)**

1. Hari ini adalah Hari Minggu Biasa ke-14, Tahun Liturgi C. Bacaan-bacaan hari ini memberitahu kita mengenai Penyelamatan Damai (Shalom)! Perkataan "Peace (Damai)" datang dari perkataan Ibrani "Shalom" yang bererti kepenuhan, kesempurnaan, keseluruhan, kekuatan, kekeadaannya, tiada kekurangan, kekayaan, kebahagiaan, dll., di dalam Perjanjian Lama. Dalam Perjanjian Baru ia hampir menjadi sinonim dengan Penyelamatan!

Injil hari ini memberitahu kita bahawa Yesus mengutus tujuh puluh dua murid untuk mewartakan "Penyelamatan Damai (Shalom)" (HCSB) ke seluruh dunia. Nombor tujuh puluh dua (atau tujuh puluh) melambangkan kepada misi universal Gereja!

Mereka diutus berdua-dua, mereka diarah berdoa untuk pekerja-pekerja tuaian, mereka diberitahu supaya jangan membawa dompet, beg dan kasut, mereka diberitahu jangan memberi salam kepada sesiapa dalam perjalanan, dan mereka diberitahu untuk mewartakan penyelamatan damai!

Mereka diutus berdua-dua untuk saling menyokong satu sama lain, untuk menjadi saksi kepada kesaksian satu sama lain, dan untuk mewujudkan kedamaian yang mereka wartakan. (NJBC) Mereka diarah untuk mendoakan pekerja-pekerja untuk tuaian, sebab misi Gereja adalah dari Allah. Justru itu doa dan misi tidak dapat dipisahkan. Setiap misi mesti dimula dan diakhiri dengan doa. Mereka diarah supaya tidak membawa dompet, sikutan belakang atau kasut, sebab mereka harus berharap kepada kemurahan Allah. Allah menyediakan! Justru itulah sumpah kemiskinan oleh para religius! Mereka tidak dibenarkan memberi salam kepada sesiapa dalam perjalanan, iaitu, mereka harus tidak terganggu dari misi mereka! Hari ini kita terganggu oleh handfon kita, walaupun dalam Misa Kudus, dan kita juga mengganggu orang lain. Kita harus mematikan handfon kita terutama masa Misa Kudus! Dan akhir sekali mereka harus mewartakan Penyelamatan Damai dan bukan mewartakan kecelakaan!

2. Bacaan pertama menuruti tema Injil. Bacaan pertama memberitahu kita mengenai kebahagiaan Penyelamatan Damai di Yerusalem Baru! Yerusalem Baru menjadi Ibunda kita dan kita adalah bayi yang menyusu dari dadanya! Hari ini Yerusalem Baru adalah Ibunda Gereja kita! Hanya didalamnya kita menemui Penyelamatan Damai dan dari dialah misionaris diutus ke seluruh dunia untuk mewartakan Penyelamatan Damai! Justru itu kita baca dalam pembacaan petama:

"Bersukacitalah bersama-sama Yerusalem, hai kamu yang mengasihi kota itu. Bersukacitalah bersama-sama Yerusalem sekarang, kamu semua yang menangisinya dahulu. Kamu akan menikmati kemakmurannya seperti bayi menikmati susu ibunya. Tuhan berfirman, 'Aku akan memberi kamu kemakmuran yang berterusan. Kekayaan negeri-negeri lain akan mengalir ke negerimu seperti sungai yang tidak pernah kering. Kamu akan menjadi seperti anak yang disusui ibunya, yang didukung dan dikasihi.'" (Yes 66: 10-12; SM)

3. Mazmur antarbacaan menuruti tema di dalam bacaan pertama. Mazmur antarbacaan juga memberitahu kita mengenai sukacita penyelamatan! Dengan itu sahutannya:

"Bersorak-sorailah bagi Allah, hai seluruh dunia!" (Mzm 65:1; SM)

Iaitu, sorakan sukacita kepada Allah seluruh bumi dalam pujian dan kesyukuran kerana penyelamatan! Mazmur antarbacaan mempunyai empat rangkap. Rangkap pertama, kedua dan ketiga (ayat 1-7) adalah pujian dan kesyukuran kerana penyelamatan! Justru itu ayat 6 rangkap ketiga:

"Allah mengubah laut menjadi tanah kering, mereka menyeberangi sungai tanpa menjadi basah, mari kita bersorak-sorai bagi Allah." (Ps 65:6; SM)

Ayat 6 adalah ringkasan seluruh sejarah penyelamatan Israel! Dengan itu peristiwa pertama dan peristiwa terakhir penyelamatan disebut bersama, iaitu, penyeberangan Lautan Merah dalam Keluaran dan penyeberangan sungai Yordan masuk ke Tanah Perjanjian!

Rangkap keempat (ayat 16.20) memberitahu kita bahawa Allah bukan hanya menyelamatkan komuniti keseluruhannya, tetapi Allah juga menyelamatkan setiap dan semua individu dalam komuniti secara pribadi! (IBC)

4. Bacaan kedua memberitahu kita bahawa damai penyelamatan tidak boleh dihargai oleh kerja-kerja Hukum, tetapi damai penyelamatan hanya dapat diterima sebagai anugerah percuma melalui iman dalam Yesus Kristus, terutamanya melalui iman dalam salib Yesus Kristus yang melaluinya kita mati kepada duniawi dan dunia mati kepada kita dan yang melaluinya kita dijadikan ciptaan baru! Justru itu kita baca dalam bacaan kedua:

“Tetapi aku hanya mahu membanggakan Tuhan kita Yesus Kristus yang sudah mati pada kayu salib. Oleh sebab Kristus sudah mati pada kayu salib, dunia ini tidak bererti apa-apa lagi bagiku. Aku seolah-olah sudah mati terhadap dunia ini. Sama ada orang bersunat atau tidak, hal ini tidak menjadi soal. Yang penting adalah menjadi manusia baru. Bagi mereka yang hidup dengan pendirian itu, dan juga bagi semua umat Allah, aku berdoa agar Allah mengurniakan mereka kesejahteraan dan rahmat-Nya.” (Gal 6:14-16; CSB)

5. Hari ini kita bersyukur atas Penyelamatan Damai dan kita mohon kepada Allah untuk membantu kita mejadi misionaris Penyelamatan Damai! Damai Penyelamatan kepada kamu semua! Shalom! Amen!

Cadangan soalan untuk renungan individu dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan dan dalam komuniti-komuniti kecil:

1. Apakah ertinya perkataan Damai/Shalom dalam Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru?
2. Adakah kamu mewartakan Penyelamatan Damai atau adakah kamu mewartakan kecelakaan?
3. Apabila kamu mewartakan Penyelamatan Damai, adakah kamu melakukannya bersama orang lain atau kamu melakukannya bersendirian? Adakah kamu berdoa apabila kamu mewartakan Penyelamatan Damai? Adakah kamu membawa dompet, sikutan belakang dan kasut atau adakah kamu hanya berharap pada kemurahan Allah? Adakah kamu memberi salam kepada orang dalam perjalanan, iaitu, adakah kamu terganggu dalam misi kamu?
4. Apakah Penyelamatan Damai itu memberi kamu sukacita dan kebahagiaan? Apakah kamu sudah mengalami kesukaan dan kebahagiaan surga di bumi ini?
5. Adakah kamu menghargai Penyelamatan Damai oleh kerja-kerja baik kamu atau adakah kamu menerimanya sebagai anugerah percuma melalui iman kamu dalam Yesus Kristus?

Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,

Rujukan: HarperCollins Study Bible (HCSB); New Jerome Biblical Commentary (NJBC); International Biblical Commentary (IBC); Catholic Study Bible (CSB); Sunday Missal (SM).